



Penyelidik UPM Terima Anugerah 'Mass Young Researcher Awards 2008'



Prof. Taufiq Yap Yun Hin (kiri) menerima anugerah 'MASS Young Researcher Awards 2008' dianugerahkan oleh The Malaysian Solid State Science and Technology Society.

**SERDANG, 5 Dis** – Prof. Taufiq Yap Yun Hin dari Universiti Putra Malaysia (UPM) memenangi anugerah 'MASS Young Researcher Awards 2008' yang dianugerahkan oleh The Malaysian Solid State Science and Technology Society.

Anugerah tersebut bersempena dengan 24th Regional Conference Solid State Science and Technology yang diadakan di Tiara Beach Resort Port Dickson pada 1 Disember 2008.

Prof. Taufiq berkata anugerah diberikan kepada penyelidik yang menjalankan penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi keadaan pepejal.

"Penyelidikan saya adalah berasaskan kepada pemangkinan menggunakan vanadium fosforus oksida (VPO) sebagai mangkin untuk tindakbalas pengoksidaan hidrokarbon kepada bahan petrokimia yang lebih berguna.

"Mangkin ini telah berjaya disintesis dan diubahsuaiakan sehingga mendapat aktiviti dan selektiviti pemangkinan yang tinggi," katanya.

Beliau yang juga Penyelaras, Pusat Kecemerlangan Sains dan Teknologi Katalisis, Fakulti Sains telah berjaya menfalkan 2 paten untuk teknologi penghasilan mangkin.

Katanya, kaedah tersebut dapat mengurangkan penggunaan larutan organik dan bahan sisa buangan serta penghasilan mangkin VPO dalam struktur nanoparticle yang dapat meningkatkan keefektifan mangkin.

Selain itu, beliau juga menjalankan kajian fotodegradasi ke atas bahan toksik organik dengan menggunakan titanium oksida dan penghasilan bahan aktif karbon daripada bahan buangan pertanian.

Prof. Taufiq menerima wang tunai RM1 ribu dan sijil yang disampaikan oleh Ahli Exco Kerajaan Negeri Sembilan yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelajaran dan Pengajian Tinggi, Tuan Shamsulkahar Mohd Deli.

Disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.